

Pelaksanaan AES

# 'Baiki dulu jalan raya'

>>Oleh Nazrul Azim Sharuddin  
nazrulazim@hmetro.com.my

**S**ERDANG: Kerajaan perlu memberi tumpuan kepada membaiki keadaan dan reka letak jalan raya sebelum melaksanakan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES).

Menurut bekas Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi, terdapat kebarangkalian keadaan jalan raya yang tidak mengikut spesifikasi mendorong pengguna melakukan kesalahan seperti melanggar lampu isyarat dan memandu melebihi had laju.

"AES tidak sepatutnya dipersalahkan kerana ketepatan sistem terbabit diuji da-



ripada pelbagai sudut dan terbukti mampu mengurangkan kesalahan lalu lintas di banyak negara pada kadar sehingga 90 peratus atau se-

**"AES tidak sepatutnya dipersalahkan kerana ketepatan sistem terbabit diuji daripada pelbagai sudut dan terbukti mampu mengurangkan kesalahan lalu lintas"**

>Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi

cara puratanya 40 peratus. "Pelaksanaannya wajar diteruskan, tetapi tidak perlu gopoh dan tidak juga terlalu lewat dengan penekanan ha-

rus diberi kepada penentuan parameter jalan raya terlebih dahulu dan memastikannya dalam keadaan baik.

"Ia termasuk mengenal pasti lampu isyarat yang tidak mengikut spesifikasi, lokasi berbukit yang memungkinkan pemandu memecut kenderaan mereka dan zon perangkap iaitu jalan raya yang tidak memberi penguna pilihan laluan alternatif sekiranya tersalah jalan," katanya ketika ditemui di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang semalam.

Jelasnya, isu terbabit tidak sepatutnya diperbesarkan kerana tujuan pelaksanaan AES sebenarnya adalah untuk menguatkuasakan undang-undang demi kebajikan rakyat secara menyeluruh di samping mengurangkan ke-

sengsaraan orang ramai kerana kemalangan jalan raya.

Ini kerana menurut Radin, setiap tahun sebanyak 1,500 daripada 6,000 kematian akibat kemalangan di Malaysia disebabkan kesalahan memandu memenuhi had laju dan 250 lagi kematian kerana kesalahan melanggar lampu merah.

Beliau yang juga Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, selepas reka letak jalan raya dibina dengan sempurna, barulah penguatkuasaan AES boleh dilaksanakan secara telus dengan tidak membebankan mana-mana pihak.

Justeru, beliau meminta isu berkenaan tidak dipolitikkan sebaliknya diserahkan kepada pelaksanaan pihak profesional.